

TEORI PENGETAHUAN IBN TUFAIL DAN IMPLIMENTASI DALAM PENGAJARAN FIQH DI SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IBN TUFAIL'S THEORY OF KNOWLEDGE AND IMPLEMENTATION IN THE TEACHING OF FIQH IN RELIGIOUS SCHOOLS, BRUNEI DARUSSALAM

Siti Astri Hj Moxsin¹
Muhamad Zahiri Awang Mat²
Hjh Norwati Hj Abu Bakar³

¹Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam,
(E-mail: sitiastrihm@gmail.com)

²Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam,
(E-mail: zahiri.mat@gmail.com)

³Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam,
(E-mail: hjhnorwati@gmail.com)

Article history

Received date : 5-10-2023
Revised date : 6-10-2023
Accepted date : 26-11-2023
Published date : 21-12-2023

To cite this document:

Moxsin, S. A., Awang Mat, M. Z., & Abu Bakar, N. (2023). Teori pengetahuan Ibn Tufail dan implimentasi dalam pengajaran fiqh di sekolah-sekolah agama, Negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 168 – 178.

Abstrak: Mata pelajaran Fiqh merupakan satu mata pelajaran yang diajarkan pada murid-murid Darjah IV, V dan VI di peringkat persekolahan Ugama di Negara Brunei Darussalam. Adapun matlamat pengajaran Fiqh diajarkan agar murid-murid dapat mengetahui hukum-hukum syarak dan dapat melaksanakan amal 'ibadat mengikut syari'at Islam. Untuk menerapkan ilmu ini, guru sebagai penyampai maklumat memainkan peranan yang penting untuk memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan berkesan iaitu antaranya guru perlu memiliki pengetahuan. Oleh itu, sumber pengetahuan antara lainnya diperoleh melalui pancaindera (pengalaman) dan akal manusia (berfikir). Ibn Tufail merupakan antara tokoh falsafah Islam Muwahhid yang mencetuskan *Theory of Knowledge* (teori pengetahuan). Kertas kerja ini membincangkan tentang teori pengetahuan Ibn Tufail dan implimentasi dalam pengajaran Fiqh di peringkat sekolah-sekolah Ugama di Negara Brunei Darussalam. Secara keseluruhannya, pembentukan pengetahuan guru-guru diperoleh melalui proses tindakan mereka mengajar mata pelajaran Fiqh di dalam bilik darjah hingga menghasilkan satu pengalaman. Seterusnya pengalaman mengajar yang diperoleh akan diproses dalam pemikiran melalui proses refleksi semula pengajaran yang telah dilakukan untuk membolehkan mereka membuat satu kesimpulan dalam usaha memperbaiki pengajaran dan mewujudkan satu siri pengajaran yang lebih berkesan.

Kata Kunci: Teori pengetahuan Ibn Tufail, Pendidikan Islam, Sekolah-Sekolah Ugama

Abstract: *Fiqh is a subject taught to pupils of Grades IV, V and VI at religious schools in Brunei Darussalam. The goal of teaching Fiqh is to equip students with the knowledge of sharia law and the ability to perform worship in accordance with Islamic law. To apply this subject, teachers as information providers play an important role in ensuring that teaching and learning activities can be carried out effectively, among which teachers need to have knowledge. So, among other things, the senses (experience) and human thinking are the sources of knowledge. Ibn Tufail is one of the Muwahhid Muslim philosophers who initiated the Theory of Knowledge. This paper discusses the theory of Ibn Tufail's knowledge and its implementation in the teaching of Fiqh at religious schools in Brunei Darussalam. Overall, teachers gain their knowledge through the acts they take when instructing Fiqh classes in the classroom to create a learning experience. Next, the teaching experience gained will be processed in thought through a process of reflection on the teaching that has been done to allow them to draw a conclusion in an effort to improve teaching and create a series of more effective teaching.*

Keywords: *Ibn Tufail's Theory of Knowledge, Islamic Education, Religious School*

Pengenalan

Di sekolah, guru merupakan pemangkin perubahan murid-murid yang berperanan mengajar, mendidik dan memandu mereka jalan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Guru dianggap sebagai antara pemain utama dan kunci kepada keberhasilan pembelajaran. Pengajaran berkesan dipengaruhi bagaimana seorang guru dapat mencorak cara pengajarannya meliputi aspek penyampaian isi pelajaran dan penggunaan pedagogi pengajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, untuk memiliki kemahiran pengajaran yang baik, seorang guru seharusnya memiliki pengetahuan yang mantap terhadap kandungan dan pedagogi pengajaran untuk membolehkan mereka menyampaikan pengajaran dengan berkesan kerana pengajaran berkesan dipengaruhi oleh corak pengajaran mereka.

Latar Belakang Kajian

Mata Pelajaran Fiqh

Mata pelajaran Fiqh merupakan satu mata pelajaran yang diajarkan pada murid-murid Darjah IV, V dan VI di peringkat persekolahan agama di Negara Brunei Darussalam. Antara sub mata pelajaran Fiqh yang diajarkan di persekolahan agama ialah Taharah, Solat, Shiam, Zakat, Haji, Mu'amalat, Munakahat dan Jenayat. Adapun matlamat mata pelajaran ini diajarkan adalah untuk melahirkan murid-murid yang taat beribadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, berpengetahuan dalam hukum-hukum syarak dan dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari (Sukatan Pelajaran Sekolah-Sekolah Uagama, 2019). Selaras dengan kenyataan Al-Zarnuji (t.th) tentang konsep Fiqh sebagaimana dalam petikannya,

...Dan Fiqh adalah mengetahui ilmu-ilmu yang halus. Kata Abu Hanifah Rahimahullah Ta'ala: Fiqh itu mengetahui seseorang apa yang boleh dia buat dan apa yang tidak boleh dia buat. Dan katanya lagi: tidak adalah ilmu melainkan untuk diamalkan dan mengamalkannya adalah meninggalkan apa yang segala untuk apa yang ditanggung... (m.s: 7).

Mata pelajaran Fiqh ini bersifat syumul iaitu meliputi perkara-perkara yang bersifat praktikal dan 'amali (perbuatan). Oleh yang demikian, di sekolah murid-murid harus didedahkan tentang pengetahuan dan kefahaman serta amalan tentang konsep 'ibadah dan tujuan 'ibadah dalam

kehidupan mereka yang meliputi ‘ibadah khusus seperti amalan solat, puasa, zakat dan haji. Sementara ‘ibadah umum berkaitan dengan perkarakan kebajikan, pekerjaan, amalan-amalan sunat dan lain-lain yang berhubung dengan perbuatan manusia (Kamarul & Ab. Halim Tamuri, 2007). Oleh itu, surah *an-Nisā’* ayat 36 menuntut manusia agar melaksanakan ‘ibadah sebagaimana ayat berikut,

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ﴾

Tafsirnya: “Dan sembahlah Allah dan jangan-lah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki”.

Ringkasnya, mata pelajaran Fiqh persekolahan agama dihasratkan untuk melahirkan murid-murid yang dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah Subhanahu Wa Ta‘ala untuk kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Maka bagi mencapai tujuan ini, guru adalah insan yang paling dekat untuk dapat menyebarkan ilmu pengetahuan Fiqh ini kepada murid-murid. Guru dalam konteks pendidikan merupakan tunggak utama dan pelaksana kurikulum, maka mereka ini dianggap sebagai pelita ummah dalam memandu anak bangsa kepada ksempurnaan hidup. Hal demikian sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdul Aziz (2013),

Guru boleh disifatkan sebagai pelita ummah yang mana tanpa guru, ummah akan berada dalam kegelitaan dan gurulah yang banyak berperanan memandu anak bangsa ke jalan yang boleh memberikan kesempurnaan kehidupan di dunia dan akhirat (m.s: 22).

Guru memegang amanah dalam membantu mencapai matlamat pendidikan di sesebuah institusi pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah, agama mahupun institusi pendidikan tinggi. Tanggungjawab mereka ialah membantu memperkaya murid-murid dengan ilmu dan kemahiran (Pelita Brunei, 2019) dan meningkatkan penghayatan ilmu dalam diri mereka (Ab. Halim Tamuri et al., 2012). Oleh itu, dalam Islam kedudukan guru sebagai pendidik adalah sangat tinggi dan dipandang mulia (Muhamad Zahiri et al., 2011) kerana mereka bertindak sebagai pelaksana pengajaran (Awatif et al., 2019; Nur Amelia, 2019; Maimun et al., 2017; Gaguk, 2016; Syed Kamarzuan et al., 2014). Selaras dengan petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) Kali Ke-7, 25 Oktober 2017 Masehi, Baginda bertitah,

“...bahawa profesion keguruan adalah sangat mulia. Guru berperanan penting dalam pembentukan masyarakat dan pembangunan negara” (m.s: 2).

Maka, sebagai seorang guru seharusnya memiliki pelbagai kompetensi antaranya memiliki kemahiran mengajar dan pengetahuan yang luas. Oleh yang demikian, dalam kertas kerja ini membincangkan tentang sumber pengetahuan seorang guru dan melihat bagaimana proses pengetahuan guru dapat berkembang dari semasa ke semasa dengan mengambil kira teori pengetahuan Ibn Tufail dan implimentasinya dalam konteks pengajaran Fiqh di sekolah-sekolah agama sebagai usaha untuk menambahbaik pengajaran dan mencorak pengajaran yang berkesan.

Latar Belakang Ibn Tufail

Ibn Tufail merupakan pelopor teori pengetahuan (*theory of knowledge*). Di Eropah terkenal dengan nama Abubacer (Sirajuddin Zar, 2009; Abdul Rozak & H. Isep Zainal Ariffin, 2002). Nama penuh beliau ialah Abu Bakar Muhammad Ibn ‘Abd al-Malik Tufail al-Qaysi (Dusuki, 2012; Ahmad Daudy, 1986; Ibn Tufail, 1986) yang dilahirkan pada tahun 506H/1110M di sebuah lembah Wadi Asy, Sepanyol (Ibn Tufail, 1986) dan meninggal dunia pada tahun 581H/1185M di Mahgribi (Dusuki, 2012; Amirullah, 2010; Ahmad Daudy, 1986; Ibn Tufail, 1986).

Di Sepanyol beliau terkenal sebagai seorang tokoh falsafah Islam Muwahhid (Maftukhin, 2012; Dusuki, 2012; Amirullah, 2010). Kepakaran Ibn Tufail terkenal dalam bidang astronomi, matematik, kedokteran, falsafah Islam dan kesusteraan (Amirullah, 2010; Sirajuddin Zar, 2009; Hanafi, 1969). Pernah menuntut bidang falsafah dan kedokteran di Seville dan Cordova (Abudin, 1998; Majid, 1993). Dalam bidang kedokteran, beliau pernah dilantik menjadi doktor peribadi Khalifah Abu Ya‘qub Yusuf al-Mansur iaitu khalifah kedua kerajaan Muwahhidin. Ibn Tufail bergiat aktif dalam penulisan beberapa karya seperti bidang fizik, kejiwaan, kedokteran dan falsafah. Oleh itu, antara karya yang terkenal hingga sekarang ialah “*Hayy ibn Yaqzhan*”. Karya ini telah diterjemahkan dalam berbagai-bagai bahasa (Hanafi, 1969) dan pada tahun 1671 karya ini diterjemah oleh Edword Pocoke dalam Bahasa Latin dan tahun 1708 Simon Ockley menterjemahkannya dalam Bahasa Inggeris.

Konsep Pembentukan Pengetahuan Menurut Ibn Tufail

Karya Ibn Tufail yang terkenal hingga sekarang ialah “*Hayy ibn Yaqzhan*” dan dalam terjemahan Bahasa Inggeris ialah “*The History of Hayy Ibn Yaqzhan*”. Karya ini ada mengetengahkan teori pengetahuan manusia dalam memahami sesuatu situasi. Berdasarkan karya ini, Ibn Tufail telah mengetengahkan teori pengetahuan dan beliau menyimpulkan bahawa pengetahuan manusia terbentuk melalui pelbagai sumber. Menurut Ibn Tufail (1986), Hayy ibn Yaqzan memperoleh pengetahuan menggunakan pancaindera. Pancaindera yang dimaksudkan ialah indera penglihatan dengan mata, pendengaran dengan telinga, merasa dengan mulut, sentuhan dengan kulit dan menghidu dengan hidung untuk menghasilkan pengalaman. Ini kerana menurut Ahmad Tafsir (2012b) menyatakan bahawa pengetahuan manusia berasal dari pengalaman mereka. Manakala akal (minda) pula digunakan untuk berfikir dalam memahami sesuatu fenomena atau keadaan. Hal ini adalah berdasarkan petikan dalam kisah Hayy Ibn Yaqzan mengenai pencarian bukti punca kematian rusa betina,

Then he began to peep into her ears and eyes, but could perceive no visible defect in either; in like manner he examin'd all the part of her body, and found nothing amiss, but everything as itu should be. That which put him upon this search, was what he observ'd in himself. He had noticed that when he shut his eyes, or held any thing before them, he could see nothing at all, till that obstacle was removed; and so when he put his fingers into his ears, that he could not hear, till he took 'em out again; and when closed his nostrils together, he smelt nothing till they were

open 'd....Therefore, when he had examin'd every external part of her, and found no visible defect, and yet at the same time perceiv'd an universal cessation of motion in the whole body....he began to imagine that the hurt was in some organ which remote from the sight and hidden in the inward part of the body; and that this organ was of such nature and use, that without its help, none of the other external organs could exercise their proper functions (p: 57-58).

Oleh yang demikian, hasil penelitian dan pengamatan yang dilakukan oleh Hayy ibn Yaqzan dan pemikiran yang mendalam terhadap punca kematian rusa betina tersebut, maka ia akhirnya membuat satu kesimpulan bahawa jiwa adalah penggerak bagi jasad. Berdasarkan peristiwa-peristiwa dalam kisah Hayy Ibn Yaqzan, Ibn Tufail membuat kesimpulan bahawa manusia memperoleh pengetahuan antaranya menerusi pancaindera (pengalaman) dan akal (logik). Penciptaan kedua-dua sumber ini jelas ada dinyatakan dalam Qur'an surah *an-Nahl* ayat 78,

وَاللّٰهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Tafsirnya: “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran, penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur”

Berdasarkan tasir ayat di atas menjelaskan bahawa manusia dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala pancaindera dengan pelbagai fungsi seperti telinga untuk untuk mendengar, mata untuk melihat, dan akal untuk berfikir ('Abdullah, 2008a). Oleh yang demikian, pancaindera yang dianugerahkan Allah ini membolehkan manusia melaksanakan 'ibadah dan mendapat petunjuk dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala ('Abdullah, 2008a; Muhammad Nasib, 2012a).

Selain itu, antara dalil al-Qur'an yang menyatakan tentang penciptaan pancaindera kepada manusia antaranya surah *al-Nahl* ayat 78, *al-Mu'minūn* ayat 8 dan *as-Sajadah* ayat 9 menjelaskan tentang pancaindera telinga (pendengaran) serta mata (penglihatan), surah *Yūsuf* ayat 94 fungsi hidung (menghidu bau) dan surah *al-Balad* ayat 9-10, *Thāhā* ayat 27-28 dan *al-Fath* ayat 11 menyebutkan fungsi lidah (lisan) dan kedua bibir serta mulut sebagai alat pengucapan yang berguna untuk memperoleh dan menyebarkan ilmu pengetahuan. Sementara penciptaan akal dan fungsinya untuk berfikir disebutkan di dalam al-Qur'an antaranya dalam surah *al-Baqarah* ayat 197, *al - 'Imrān* ayat 190, *al- A'rāf* ayat 184, *Yūnus* ayat 101, *ar-Ra'd* ayat 3 dan 19-21, *al- 'Ankabūt* ayat 63, *Saba'* ayat 46, *Az-Zumar* ayat 17-18, *al-Ḥadīd* ayat 17, *al- Ḥasyr* ayat 21 (Mahmud Asy-Syafrowi, 2011).

Oleh yang demikian ciptaan Allah ini adalah merupakan antara anugerah yang terbesar dan teristimewa dikurniakan kepada makhluk-Nya dengan pelbagai fungsi ('Abdullah, 2008c). Maka, pancaindera pendengaran dan penglihatan ini membolehkan manusia berhubung dengan alam sekelilingnya dan kemudian maklumat yang diterima dari pancaindera membawa kepada pertimbangan akal untuk berfikir (Abdulmalik, 1988). Pengalaman melalui pancaindera diperlukan untuk merangsang akal supaya dapat berkerja (Ahmad Tafsir, 2012a). Pancaindera ini berkerja dengan membuat penelitian dan memerhati sekeliling atau fenomena yang berlaku untuk menghasilkan pengalaman (Jalaluddin, 2013). Jadi pancaindera ini berfungsi untuk mengembangkan pengetahuan manusia melalui proses melihat, merasa, menghidu dan mendengar. Kemudian hasil maklumat yang diterima dari pancaindera disalurkan ke dalam akal manusia untuk membolehkan mereka berfikir dan menganalisis seterusnya membuat satu

kesimpulan (Kadar, 2014). Rumusannya, kedua-dua sumber ini saling berkerjasama antara satu sama yang lain untuk membolehkan manusia membuat satu kesimpulan dan tindakan dalam usaha memperbaiki dan memperelokkan kehidupan mereka.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Seramai 10 orang guru-guru agama terlibat dalam kajian ini yang meliputi guru-guru agama yang mengajar mata pelajaran Fiqh dari sekolah-sekolah agama di empat buah daerah iaitu Brunei Muara, Tutong, Kuala Belait dan Temburong. Dalam kajian ini juga, alat pengumpulan data diperoleh melalui kajian perpustakaan. Kajian perpustakaan adalah penelitian yang dilakukan dengan mengkaji mengenai konsep dan teori pengetahuan Ibn Tufail melalui bahan bacaan dan artikel-artikel yang berkaitan. Oleh itu, kombinasi hasil penelitian yang digunakan membolehkan penulis untuk memperoleh maklumat tentang teori pengetahuan Ibn Tufail dan implimentasi dalam pengajaran Fiqh di peringkat sekolah-sekolah Agama di Negara Brunei Darussalam.

Dapatan Kajian Implimentasi Teori Pengetahuan Ibn Tufail Dalam Pengajaran Fiqh

Teori yang menjadi dasar untuk mengetahui bagaimana proses perkembangan pengetahuan guru-guru Fiqh ialah berdasarkan teori pengetahuan (*theory of knowledge*) yang dipelopori oleh Ibn Tufail. Dalam surah *al-Mujādalah* ayat 11 ada menjelaskan tentang kedudukan orang yang berpengetahuan sebagaimana dalam ayat berikut,

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Tafsirnya: "...Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat..."

Tafsiran ayat 11 surah *al-Mujādalah* menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan meninggikan darjat orang mukmin yang berilmu (Muhammad Nasib, 2012b; Syaikh Jamaluddin, 2010; 'Abdullah, 2008b). Orang yang berilmu pengetahuan ini ianya umpama tanah yang subur yang menyerap air, dan air itu mampu memberi manfaat kepada tanah sehingga menumbuhkan tanam-tanaman yang akhirnya memberi manfaat kepada manusia (Ibn Hajar al-Asqalani & Ahmad, 2010).

Oleh itu, dalam konteks pendidikan guru bertanggungjawab menyampaikan pengajaran yang berguna kepada murid-murid. Oleh itu, guru-guru Fiqh perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran mengajar. Sejar dengan petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam, 29 September 2016 Masehi (Kumpulan Titah, 2016), Baginda bertitah:


Begitu besar peranan guru itu. Sebagai ejen pelaksana pendidikan, guru adalah dituntut untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, dan pemikiran bernas (m.s 45).

Sebagaimana dalam Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Agama 1985, Pindaan 2019 (2020) ada menyatakan bahawa guru-guru agama perlu sentiasa berusaha melaksanakan penyampaian pengajaran dan menggunakan cara pengajaran yang berkualiti serta berkesan kepada murid. Oleh itu, pengajaran guru berkesan biasanya dikaitkan dengan gaya pengajaran mereka di dalam bilik darjah (Kamarul et al., 2012). Kemampuan guru mengajar diukur melalui penguasaan mereka terhadap isi kandungan pelajaran, kebijaksanaan mereka mewujudkan suasana bilik darjah yang kondusif dan efektif, memilih dan menggunakan bahan bantu mengajar dengan baik (Heri, 2012). Guru-guru Fiqh perlu memiliki pengetahuan terhadap kemahiran mengajar untuk membolehkan mereka mencorak penyampaian pengajaran yang berkesan.

Oleh yang demikian, berdasarkan teori pengetahuan Ibn Tufail mendapati bahawa pengetahuan guru-guru agama dalam pengajaran Fiqh terwujud melalui adanya pengalaman mengajar dan proses berfikir. Oleh itu, sumber pengetahuan guru-guru Fiqh ialah berasal daripada pengalaman yang mereka perolehi melalui tindakan pancaindera semasa mengajar di dalam bilik darjah dan kerja akal untuk berfikir melalui proses refleksi. Oleh itu, selaras dengan pandangan Surajiyo (2010), Ahmad Tafsir (2012b), Sutarjo (2013), Abu Muhammad Iqbal (2015) dan Maimun et al. (2017) menyatakan bahawa pengalaman yang diperolehi melalui tindakan pancaindera mampu memperoleh pengetahuan dan menurut Amirullah (2010), Ahmad Tafsir (2012b) dan H. Jalaluddin (2013), hasil maklumat yang diperolehi melalui pengalaman akan diproses melalui kerja akal untuk berfikir dan seterusnya membolehkan seseorang membuat satu kesimpulan. Dengan yang demikian, pengetahuan guru-guru dalam pengajaran Fiqh dapat dikembangkan hasil putaran melalui proses perolehan pengetahuan melalui pengalaman mengajar dan proses refleksi. Maka, hasil tindakan yang dilakukan melalui pengalaman pancaindera dapat memberikan maklum balas atau maklumat kepada akal untuk berfikir. Selaras dengan pandangan Surajiyo (2010) bahawa pancaindera berfungsi untuk menyerap objek yang berlaku luar dari diri manusia.

Rumusannya, perkembangan pengetahuan guru-guru Fiqh diperolehi melalui hasil pengalaman mengajar yang berlaku di dalam bilik darjah dan kemudian hasil pengalaman ini diproses oleh akal melalui proses refleksi pengajaran yang dilakukan selepas mengajar untuk memikirkan usaha yang terbaik dalam memperbaiki pengajaran guru seterusnya. Oleh itu, amalan refleksi juga memainkan peranan yang penting bagi guru-guru Fiqh untuk membolehkan mereka berfikir dan menilai semula keberkesanan pengajarannya kemudian membolehkan mereka memikirkan amalan pengajaran yang lebih baik. Amalan refleksi ini dapat memberi peluang kepada guru untuk mengembangkan pemahaman mereka tentang cara pengajaran yang terbaik (Eko Yuliyanto et al., 2018; Then Moli, 2013; Dwiyan, 2012).

Maka dengan ini, penulis mendapati bahawa untuk memantapkan pengetahuan seorang guru dalam mengajar Fiqh ialah melalui proses atau putaran perolehan pengetahuan melalui tindakan mengajar yang dilakukan melalui kerja pancaindera (mengajar di dalam bilik darjah) sehingga menghasilkan satu pengalaman dan kemudian pengalaman mengajar ini diproses ke akal untuk membolehkan mereka berfikir (melalui amalan refleksi pengajaran) dan mempertimbangkan usaha untuk memperbaiki dan memantapkan pengetahuan mereka terhadap amalan pengajarannya yang berkesan dari semasa ke semasa. Maka Rajah 1 berikut menunjukkan bagaimana proses putaran pengetahuan guru-guru agama di dalam pengajaran Fiqh dapat dikembangkan.



Rajah 1: Putaran Proses Perolehan Pengetahuan Guru Dalam Pengajaran Fiqh
 (Rujukan: Siti Astri, 2021)

Melalui Rajah 1 dapatlah difahami bahawa laporan dari pancaindera melalui pengalaman mengajar ini umpama bahan atau maklumat, kemudian bahan atau maklumat ini akan diproses dan dipertimbangkan oleh akal melalui proses refleksi untuk membolehkan guru-guru berfikir sehingga dapat membuat satu kesimpulan. Oleh itu, kedua-dua pengetahuan ini sangat penting dalam konteks pengajaran guru-guru Fiqh untuk melahirkan metod sains (pengetahuan sains) yang meliputi jenis pengetahuan logik dan bukti empirikal. Jadi proses putaran perolehan pengetahuan ini akan sentiasa berlaku untuk mendapatkan sebuah pengetahuan baru dalam usaha menambahbaik dan meningkatkan kualiti pengajaran Fiqh di dalam bilik darjah. Justeru, guru-guru Fiqh perlulah sentiasa berusaha menambah dan mengembangkan pengetahuannya dan berusaha untuk mengatasi kelemahan dengan pelbagai cara melalui muhasabah diri. Seorang guru perlu memiliki pengetahuan yang cukup (Muhamad Hafizan & Anuar, 2017) untuk membolehkan mereka menjalankan tugas mengajar dengan lancar dan sempurna.

Kesimpulan

Guru di sekolah memegang amanah yang besar dalam mendidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada murid-murid. Dalam usaha mencapai matlamat pendidikan khususnya matlamat mata pelajaran Fiqh, guru-guru agama bertanggungjawab memberikan dan menyebarkan ilmu pengetahuan ini kepada murid-murid supaya mampu melahirkan murid-murid yang dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah Subhanahu Wa Ta'ala untuk kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Oleh itu, guru yang berkesan sering dikaitkan dengan memiliki pengetahuan dan kemahiran mengajar. Berdasarkan perbincangan di atas menjelaskan bahawa pembentukan pengetahuan guru-guru diperoleh melalui proses tindakan mereka mengajar mata pelajaran Fiqh di dalam bilik darjah hingga menghasilkan satu pengalaman. Seterusnya pengalaman mengajar yang diperoleh akan diproses dalam pemikiran melalui proses refleksi semula pengajaran yang telah dilakukan untuk membolehkan mereka membuat satu kesimpulan dalam usaha memperbaiki pengajaran dan mewujudkan satu siri pengajaran yang lebih berkesan.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Basic Components for Islamic Education Teacher Training in GJAT*, 2(2), 53-63.
- Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof. (2013). Guru Satu Profesion Yang Mulia. Dalam Tiara Basman (Eds.), *Melestarikan Aspek Kerohaniah Dalam Profesion Perguruan Ugama* (m.s 1-24). Negara Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Abdul Rozak & H. Isep Zainal Ariffin. (2002). *Filasafat Umum*. Bandung: Gema Media Pustakatama.
- Abdulmalik Abdulkarim Amrullah. (1988). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Abudin Nata. (1998). *Ilmu Kalam, Filasafat Dan Tasawwuf: Diroseh Islamiyah IV*. Jakarta: Grafindo Persada.
- Abu Bakr Ibn Tufail. (1986). *The History of Hayy Ibn Yaqzan*. (Terjemahan). London: Darf Publishers Limited.
- Abu Muhammad Iqbal. (2015). *Pemikiran Pendidikan Islam: Gagasan-Gagasan Besar Para Ilmuan Muslim*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh. (2008a). *Tafsir Ibnu Katsir*. (Jilid 5). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh. (2008b). *Tafsir Ibnu Katsir*. (Jilid 9). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh. (2008c). *Tafsir Ibnu Katsir*. (Jilid 10). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ahmad Daudy. (1986). *Kuliah Filasafat Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ahmad Tafsir. (2012a). *Filasafat Umum Akal dan Hati Sejak Thales Sampai Capra*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ahmad Tafsir. (2012b). *Filasafat Ilmu Menghurai Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi Pengetahuan*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Amirullah Kandu. (2010). *Ensiklopedia Dunia Islam: Dari Masa Nabi Adam A.S. Sampai Dengan Abad Modern*. Bandung: Penerbit CV Pustaka Setia.
- Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee & Naqibah Mansor. (2019). Tahap Pengetahuan Guru Melayu Dalam Pengajaran Tatabahasa Bahasa Arab. *Jurnal Melayu*, 18(2), 231-243.
- Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Ugama 1985 (Pindaan 2019). (2020) Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Dusuki Haji Ahmad. (2012). *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Dwiyani Pratiwi. (2012). Pengajaran Reflektif Sebagai Upaya Peningkatan Kualitas Pendidikan dan Profesionalisme Guru. *Jurnal Manajemen Pendidikan*, 1(8), 1-12.
- Eko Yuliyanto, Fitria Fatichatul Hidayah, Enade Perdana Istyastono & Yosef Wijoyo. (2018, Oktober 6). *Analisis Refleksi Pada Pembelajaran: Revies Research*. Seminar Nasional Edusainstek (FMIPA UNIMUS), di Aula RSGM Unimus, Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam (MIPA) Semarang.
- Gagak Rebsbiantoro. (2016). Analisis Pedagogical Content Knowledge (PCK) Terhadap Buku Guru SD Kurikulum 2013. *Scholaria Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 153-162.
- H. Jalaluddin. (2013). *Filasafat Ilmu Pengetahuan*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Hanafi Ahmad. (1969). *Penghantar Filsafat Islam*. Jakarta: PT Bulan Bintang.

- Heri Jauhari Muchtar. (2012). *Fikih Pendidikan*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2017. (2018). Negara Brunei Darussalam: Unit Penerbitan Melayu, Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik Jabatan Penerangan.
- Ibn Hajar al-Asqalani & Ahmad bin Ali. (2010). *Fathul Bahri Syarah Shahih al Bukhari/Ibnu Hajar al Asqalani*. (Terjemahan). Jakarta: Pustaka Imam as- Syafi'i
- Imam Al-Zarnuji. (t.th). *Ta'alim Al-Muta'alim Tariq Al-Ta'alum*. Qairah: Darul Busyra.
- Jalaluddin. (2013). *Filsafat Ilmu Pengetahuan*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Kadar M. Yusuf. (2014). Indera Manusia Menurut al-Quran dan Psikologi Konvensional: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Hadhari*, 6(2), 55-69.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Khutbah Jumaat Menghormati, Menghargai, dan Memuliakan Guru. Pelita Brunei Tahun 64/Bilangan 113. (2019, September 21). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan (m.s 11).
- Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2016. (2017). Negara Brunei Darussalam: Unit Penerbitan Melayu, Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik Jabatan Penerangan.
- Maftukhin. (2012). *Filsafat Islam*. Yogyakarta: Penerbit Teras.
- Majid Fakhry. (1993). *Sejarah Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Asy-Syafrowi. (2011). *Indeks Lengkap Ayat-Ayat al-Quran: Cara Praktis dan Mudah Menemukan Ayat-Ayat al-Quran Sesuai Tema*. Yogyakarta: Mutiara Media.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesiediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1-13.
- Muhamad Hafizan Mohd Suhairi & Anuar Ahmad. (2017, April 10-11). *Pengaruh Pengetahuan Isi Kandungan Terhadap Aplikasi Pengajaran Yang Berkesan dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah*. International Conference on Global Education V Global Education, di Common Wealth and Cultural Diversity, di Universitas Ekasakti Padang.
- Muhamad Zahiri Awang Mat, Mujaini Tarimin, Nik Ahmad Hisham Ismail, Arifin Mamat, Md. Yusnan Yusof, Md. Noor Hussin & Noor Akmal binti Abdul Wahab. (2011). *Kajian Tahap Profesionalisme Guru Agama Di Sekolah Rendah Agama, Jabatan Agama Islam Selangor*. Projek 210002002. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhammad Nasib ar-Rifa'i. (2012a). *Kemudahan dari Allah Ringkasan Tafsir Ibnu Katsir*. (Jilid 2). Jakarta: Gema Insani.
- Muhammad Nasib ar-Rifa'i. (2012b). *Kemudahan dari Allah Ringkasan Tafsir Ibnu Katsir*. (Jilid 4). Jakarta: Gema Insani.
- Nur Amelia bt Adam. (2019). *Faktor Keberkesanan Guru Cemerlang Sains Dalam Proses Pengajaran dan Pemudahcaraan*. National Conference of Educational Research, 1-29. Retrieved <https://www.researchgate.net/publication/335909143...>
- Siti Astri@Siti 'Alya Nadhirah Binti Haji Moxsin. (2021). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan Pengajaran Fiqh Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Ugama Negara Brunei Darussalam*. [Tidak Diterbitkan]. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Negara Brunei Darussalam.
- Sirajuddin Zar. (2009). *Filsafat Islam: Filosof & Filsafatnya*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Sukatan Pelajaran Sekolah-Sekolah Ugama Jabatan Pengajian Islam. (2019). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

- Surajiyo. (2010). *Filasafat Ilmu & Perkembangannya di Indonesia Suatu Pengantar*. Jakarta: PT Bumi Aksara.
- Sutarjo Adisusilo. (2013). *Sejarah Pemikiran Barat Dari Yang Klasik Sampai Yang Modern*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Syaikh Jamaluddin Al-Qasimi. (2010). *Buku Putih Ihya 'Ulum al-Din Imam al-Ghazali*. (Tahqiq). Pondok Gade: PT Darul Falah.
- Syed Kamarzuaman Syed Ali, Mohd Zaki Che Hassan & Julismah Jani. (2014). Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani. *Jurnal Kurikulum Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 43-51.
- Then Moli A/P Kanippan. (2013). *Kemahiran dan Amalan Penulisan Refleksi Dalam Kalangan Guru di Tiga Buah Sekolah Menengah di Daerah Johor Baharu*. [Diterbitkan]. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.